

PM: Persekitaran kita mesra hak asasi
MalaysiaKini.com
26 September, 2012
Oleh Hafiz Yatim

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, beliau telah memperkasakan hak asasi manusia dalam beberapa bidang melalui pembaharuan undang-undang.

Beliau juga meminta rakyat Malaysia menghakiminya bukan daripada apa yang diucapkan tetapi apa yang telah dilakukannya.

Berucap dalam persidangan undang-undang di Kuala Lumpur pagi ini, Najib menyebut semula beberapa contoh amalan pentadbiran yang 'cakap serupa bikin' dalam usaha mewujudkan demokrasi yang lebih dinamik dan terbuka.

"Kita telah membatalkan tiga pengisytiharan darurat yang mendorong ke arah persekitaran undang-undang mesra hak asasi; dan kita memansuhkan tiga undang-undang kontroversi - Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Kediaman Terhadap dan Akta Buang Negeri," katanya.

Kerajaan juga, katanya, turut mengumumkan hasrat memansuhkan Akta Hasutan.

Najib juga menegaskan kerajaan sentiasa menerima kritikan membina daripada rakyat."